


BERITA HARIAN

Dr Mahathir turut bantu kempen di Jerlun



BANTU KEMPEN: Dr Mahathir tiba di pekarangan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam sebaqai sokongan moral kepada Mukhriz, semalam.

JERLUN: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan turut membantu kempen Barisan Nasional (BN) di Parlimen Jerlun yang ditandingi anaknya, Datuk Mukhriz.

Dr Mahathir yang melahirkan keyakinan BN berupaya menang di Jerlun berkata, beliau mungkin turun ke kawasan itu sekali dua sepanjang tempoh berkempen selama 13 hari ini.

"Tengok keadaan, (mungkin datang) sekali dua kot, tetapi pada 2004 saya berkempen seluruh negara kecuali Terengganu tetapi tahun ini Jerlun saja," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Mukhriz dan calon BN bagi DUN Ayer Hitam dan Kota Siputeh ke pusat penamaan calon, semalam.

Turut mengiringi calon BN ialah bekas Ahli Parlimen Jerlun yang juga Ketua Umno bahagian Jerlun, Datuk Abdul Rahman Ariffin dan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid.

Abdul Rahman yang pertama kali bertanding kerusi Parlimen itu pada 2004 tidak bertanding kali ini.

Mukhriz menghadapi calon Pas, Id-

ris Ahmad dalam pertandingan satu lawan satu.

Ditanya mengenai peluang BN di Jerlun, Dr Mahathir berkata: "Saya percaya BN akan menang dengan parti lawan. Yang datang mengiringi calon pun ramai... boleh menang la, Insya-Allah ada harapan (menang)."

Bagaimanapun, katanya, setiap wakil rakyat termasuk Mukhriz jika menang perlu bekerja keras dan selalu berdamping dengan rakyat dengan meninjau kawasan.

Beliau juga berkata, walaupun konflik tertentu mengenai pencalonan akan memberi kesan, majoriti rakyat akan terus menyokong BN.

Sementara itu, Mukhriz berkata, beliau akan menggunakan kesempatan tempoh kempen untuk berjumpa seramai mungkin pengundi.

"Sebenarnya saya sudah berkhidmat untuk masyarakat sejak dulu walaupun tidak ada jawatan dalam Parlimen.

"Kali ini pun sama juga tetapi saya bergerak bukan untuk kalah tapi untuk menang. Insya-Allah kita akan gunakan hala tuju yang digariskan oleh pucuk pimpinan BN untuk maju kawasan ini," katanya.